



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN KHAS DEMOGRAFI ORANG ASLI

Penduduk Orang Asli 2025 Cecah 227,900 Dengan Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan 1.2 peratus dan Pahang Kekal Dominan

PUTRAJAYA, 14 Oktober 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini telah mengeluarkan **Laporan Khas Demografi Orang Asli** berdasarkan penemuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Laporan ini membentangkan statistik berkaitan Orang Asli yang merangkumi aspek penduduk, isi rumah dan tempat kediaman, kemudahan asas serta penunjuk sosial seperti penggunaan media sosial dan akses digital mengikut negeri dan daerah pentadbiran.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penduduk Orang Asli di Malaysia dianggarkan meningkat kepada 227,900 orang pada tahun 2025 berbanding 213,461 orang pada tahun 2020 dengan kadar purata pertumbuhan tahunan penduduk 1.2 peratus."

Pahang mencatatkan penduduk Orang Asli tertinggi dengan 82,824 orang pada 2020, diikuti oleh Perak (58,942) dan Selangor (21,312). Batang Padang, Perak merekodkan jumlah penduduk tertinggi dengan 17,092 orang, diikuti oleh Lipis (14,999) dan Rompin (14,985) di Pahang.

Penduduk Orang Asli terdiri daripada 108,354 atau 50.8 peratus lelaki, berbanding perempuan seramai 105,107 (49.2%). Nisbah jantina kekal iaitu 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2020 dan 2010. Negeri yang mencatatkan nisbah tertinggi ialah W.P. Labuan (150), Sabah (116) dan Kedah (115).

Masyarakat Orang Asli terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negrito yang merangkumi sejumlah 18 sub-etnik. Etnik Senoi terdiri daripada sub-etnik Temiar, Semai, Mah Meri, Jahut, Che Wong dan Semoq Beri. Etnik Melayu Proto pula terdiri daripada Jakun, Temuan, Semelai, Orang Kuala, Orang Kanaq dan Orang Seletar. Manakala, etnik Negrito merangkumi Kensiu, Kintaq, Jahai, Mendriq, Bateq dan Lanoh. Peratusan penduduk Melayu Proto meningkat kepada 44.4 peratus (2020) berbanding 40.9 peratus (2010), manakala Senoi dan Negrito masing-masing menurun kepada 53.5 peratus dan 2.1 peratus (2020) daripada 56.0 peratus dan 3.1 peratus (2010).

Komposisi penduduk umur muda (0–14 tahun) menurun kepada 33.3 peratus (2020) daripada 39.9 peratus (2010) dan penduduk umur tua (65 tahun dan lebih) kekal pada 2.9 peratus. Peningkatan penduduk umur bekerja (15–64 tahun) kepada 63.8 peratus (2020) daripada 57.2 peratus (2010) menyebabkan nisbah tanggungan jumlah menurun kepada 56.7(2020) daripada 74.3 (2010). Nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua masing-masing turut menurun kepada 52.2 dan 4.5 pada 2020 berbanding 69.2 dan 5.1 pada 2010.

Peratusan penduduk berumur 15 tahun dan lebih yang tidak pernah berkahwin meningkat kepada 34.4 peratus pada tahun 2020 daripada 32.5 peratus pada tahun 2010. Peratusan penduduk yang berkahwin menurun kepada 59.4 peratus (2020) daripada 61.8 peratus (2010). Penduduk yang berstatus balu/duda menurun kepada 4.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 4.8 peratus pada tahun 2010, manakala penduduk berstatus bercerai atau berpisah meningkat kepada 1.6 peratus pada tahun 2020 daripada 1.0 peratus (2010).

Majoriti penduduk Orang Asli bekerja sendiri, merangkumi 59.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 50.2 peratus pada tahun 2010. Pekerja sektor swasta merupakan kumpulan kedua tertinggi dengan 28.7 peratus, diikuti oleh pekerja kerajaan (6.6%), pekerja keluarga tanpa gaji (4.3%) dan majikan (0.7%).

Jumlah isi rumah Orang Asli pada tahun 2020 ialah 54,275 berbanding 30,403 pada tahun 2010, dengan kadar pertumbuhan purata tahunan 5.8 peratus. Purata saiz isi rumah menurun kepada 3.9 orang (2020) berbanding 5.3 orang (2010) dalam tempoh sedekad. Kelantan mencatatkan purata saiz isi rumah terbesar iaitu 4.3 orang, diikuti oleh Pahang (4.2 orang) dan Negeri Sembilan (4.1 orang).

Bilangan tempat kediaman pada tahun 2020 ialah 45,189 berbanding 32,281 pada tahun 2010. Pahang mencatatkan bilangan tempat kediaman tertinggi iaitu 16,975, diikuti oleh Perak (12,629) dan Selangor (4,651).

Kelahiran hidup Orang Asli pada 2024 ialah 4,198 menurun sebanyak 9.1 peratus daripada 4,620 kelahiran (2020). Pahang merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 1,779 kelahiran (2024). Kematian Orang Asli meningkat 23.4 peratus (1,278) pada 2024 daripada 1,036 pada tahun 2020. Pahang merekodkan kematian tertinggi dengan 526 kematian pada tahun 2024.

Ischaemic heart disease merupakan sebab kematian utama penduduk Orang Asli pada tahun 2020 (12.5%) berbanding *Pneumonia* (12.0%) pada 2010. Bagi lelaki Orang Asli, sebab kematian utama pada tahun 2020 ialah *Ischaemic heart disease* (13.6%) berbanding *Transport accidents* (13.0%) pada tahun 2010. Manakala, bagi wanita Orang Asli, *Pneumonia* kekal sebagai sebab kematian utama dengan sedikit penurunan kepada 14.6 peratus pada tahun 2020 berbanding 15.2 peratus pada tahun 2010.

Bayi Orang Asli yang lahir pada tahun 2010 dan 2020 dijangka hidup secara purata sehingga 62.7 tahun dan 67.8 tahun. Bagi tempoh 2010 hingga 2020, jangkaan hayat semasa lahir meningkat sebanyak 5.1 tahun. Jangkaan hayat lelaki meningkat sebanyak 6.1 tahun dan perempuan, 3.5 tahun. Jurang jangkaan hayat antara lelaki dan perempuan Orang Asli pada tahun 2010 adalah 6.2 tahun berbanding 3.6 tahun pada tahun 2020. Dalam tempoh 10 tahun, jurang jangka hayat antara jantina berkurang sebanyak 2.6 tahun.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Bilangan dan kadar purata pertumbuhan tahunan Orang Asli, Malaysia, 1970-2025^P




Jadual 1: Bilangan penduduk Orang Asli, kadar purata pertumbuhan tahunan penduduk dan nisbah jantina mengikut negeri, Malaysia, 2010 dan 2020

Negeri	Bilangan Penduduk Orang Asli		Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan Orang Asli (%)		Nisbah Jantina Orang Asli	
	2010	2020	2010	2020	2010	2020
Malaysia	161,494	213,461	1.9	2.8	103	103
Johor	10,257	14,616	2.2	3.6	106	101
Kedah	338	466	2.3	3.3	109	115
Kelantan	13,123	17,866	3.3	3.1	103	103
Melaka	1,502	2,224	3.2	4.0	102	105
Negeri Sembilan	9,502	13,067	2.8	3.2	104	101
Pahang	63,174	82,824	2.9	2.7	105	102
Pulau Pinang	156	128	-10.9	-2.0	95	86
Perak	51,585	58,942	2.5	1.3	100	103
Perlis	22	26	-0.4	1.7	100	44
Selangor	10,399	21,312	-4.7	7.4	108	110
Terengganu	619	1,248	0.1	7.3	102	98
Sabah	221	164	-9.2	-2.9	99	116
Sarawak	236	152	-2.3	-4.3	80	103
W.P. Kuala Lumpur	316	300	-4.7	-0.5	132	95
W.P. Labuan	15	15	1.4	-	150	150
W.P. Putrajaya	29	11	-	14.4	123	59


Jadual 2: Tiga (3) daerah pentadbiran tertinggi bagi penduduk Orang Asli, Malaysia, 2020

Kedudukan	Daerah Pentadbiran	Bilangan Penduduk Orang Asli
1	Batang Padang, Perak	17,092
2	Lipis, Pahang	14,999
3	Rompin Pahang	14,985


Carta 2: Peratusan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2010 dan 2020



Carta 3: Peratusan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2010 dan 2020



Carta 4: Jangkaan Hayat Orang Asli ketika lahir, Malaysia, 2010 dan 2020



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
MALAYSIA JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA**

14 OKTOBER 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

SPECIAL REPORT ON THE DEMOGRAPHICS OF ORANG ASLI

Orang Asli Population Reached 227,900 in 2025 with an Average Annual Growth Rate of 1.2 per cent, Pahang Remains Dominant

PUTRAJAYA, 14th October 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the **Special Report On The Demographics Of Orang Asli** based on the findings from Population and Housing Census of Malaysia 2020. This report presents statistics on the Orang Asli, covering population, households, dwellings, basic amenities and social indicators such as social media usage and digital access by state and administrative district.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Orang Asli population in Malaysia is estimated to increased at 227,900 in 2025 as compared to 213,461 in 2020 with an average annual growth rate of 1.2 per cent."

Pahang recorded the highest Orang Asli population at 82,824 in 2020, followed by Perak (58,942) and Selangor (21,312). Batang Padang, Perak recorded the highest population at 17,092, followed by Lipis (14,999) and Rompin (14,985) in Pahang.

The composition of Orang Asli population consists of 108,354 or 50.8 per cent males as compared to 105,107 (49.2%) females. The sex ratio remained at 103 males for every 100 females in both 2020 and 2010. The highest sex ratio was recorded in W.P. Labuan (150), Sabah (116) and Kedah (115).

Orang Asli community comprises three main ethnic groups namely Senoi, Melayu Proto and Negrito which include a total of 18 sub-ethnic groups. Senoi group includes sub-ethnic Temiar, Semai, Mah Meri, Jahut, Che Wong and Semoq Beri. Melayu Proto group includes Jakun, Temuan, Semelai, Orang Kuala, Orang Kanaq and Orang Seletar. Meanwhile, Negrito group includes Kensiu, Kintaq, Jahai, Mendriq, Bateq and Lanoh.

The percentage of Melayu Proto increased to 44.4 per cent (2020) as compared to 40.9 per cent (2010), while Senoi and Negrito decreased to 53.5 per cent and 2.1 per cent (2020) from 56.0 per cent and 3.1 per cent (2010).

The composition of young age population (0–14 years) declined to 33.3 per cent (2020) from 39.9 per cent (2010), while the old age population (65 years and over) remained at 2.9 per cent. During the same period, the working-age population (15–64 years) increased from 57.2 per cent to 63.8 per cent, contributing to a decline in the total dependency ratio from 74.3 to 56.7. The young age and old age dependency ratio also declined to 52.2 and 4.5 in 2020 from 69.2 and 5.1 in 2010, respectively.

The percentage of population aged 15 years and over who had never married increased to 34.4 per cent in 2020 as compared to 32.5 per cent in 2010. The percentage of married population declined to 59.4 per cent (2020) from 61.8 per cent (2010). Those widowed decreased to 4.7 per cent in 2020 as compared to 4.8 per cent in 2010, while those divorced or separated increased to 1.6 per cent in 2020 from 1.0 per cent (2010).

Majority of the Orang Asli population were self-employed, accounting for 59.7 per cent in 2020 as compared to 50.2 per cent in 2010. Private employee is the second highest with 28.7 per cent, followed by government employee (6.6%), unpaid family worker (4.3%) and employer (0.7%).

The number of Orang Asli households increased to 54,275 in 2020 from 30,403 in 2010, with an average annual growth rate of 5.8 per cent. The average household size declined to 3.9 persons (2020) as compared to 5.3 persons (2010) over the decade. Kelantan recorded the largest average household size at 4.3 persons, followed by Pahang (4.2) and Negeri Sembilan (4.1).

The number of living quarters in 2020 were 45,189 as compared to 32,281 in 2010. The number of living quarters by states showed Pahang has the highest living quarters (16,975), followed by Perak (12,629) and Selangor (4,651).

The number of live births among the Orang Asli in 2024 was 4,198, a decrease of 9.1 per cent as compared to 4,620 births in 2020. Pahang recorded the highest number of live births, with 1,779 in 2024. Deaths among the Orang Asli increased by 23.4 per cent to 1,278 in 2024 from 1,036 in 2020. Pahang recorded the highest number of deaths, with 526 in 2024.

Ischaemic heart disease became the cause of death among Orang Asli in 2020 (12.5%) replacing Pneumonia (12.0%) in 2010. For males, the causes of death in 2020 was Ischaemic heart disease (13.6%) as compared to Transport accidents (13.0%) in 2010. Meanwhile, for females, Pneumonia remained the cause of death, showing a decreased to 14.6 per cent in 2020 from 15.2 per cent in 2010.

Orang Asli babies born in 2010 and 2020 are expected to live an average of 62.7 years and 67.8 years, respectively. Between 2010 and 2020, life expectancy at birth increased by 5.1 years, with male life expectancy rising by 6.1 years and female life expectancy by 3.5 years. The gender gap in life expectancy narrowed from 6.2 years in 2010 to 3.6 years in 2020. Compared to a decade ago, life expectancy gap decreased about 2.6 years.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Number of Orang Asli and average annual growth rate, Malaysia, 1970-2025^P




Table 1: Number of Orang Asli, average annual growth rate and sex ratio by state, Malaysia, 2010 and 2020

State	Number of Orang Asli Population		Average Annual Growth Rate (%)		Sex Ratio	
	2010	2020	2010	2020	2010	2020
Malaysia	161,494	213,461	1.9	2.8	103	103
Johor	10,257	14,616	2.2	3.6	106	101
Kedah	338	466	2.3	3.3	109	115
Kelantan	13,123	17,866	3.3	3.1	103	103
Melaka	1,502	2,224	3.2	4.0	102	105
Negeri Sembilan	9,502	13,067	2.8	3.2	104	101
Pahang	63,174	82,824	2.9	2.7	105	102
Pulau Pinang	156	128	-10.9	-2.0	95	86
Perak	51,585	58,942	2.5	1.3	100	103
Perlis	22	26	-0.4	1.7	100	44
Selangor	10,399	21,312	-4.7	7.4	108	110
Terengganu	619	1,248	0.1	7.3	102	98
Sabah	221	164	-9.2	-2.9	99	116
Sarawak	236	152	-2.3	-4.3	80	103
W.P. Kuala Lumpur	316	300	-4.7	-0.5	132	95
W.P. Labuan	15	15	1.4	-	150	150
W.P. Putrajaya	29	11	-	14.4	123	59

Table 2: Top three (3) administrative district with highest population of Orang Asli, Malaysia, 2020

Position	Administrative District	Number of Orang Asli Population
1	Batang Padang, Perak	17,092
2	Lipis, Pahang	14,999
3	Rompin Pahang	14,985

Chart 2: Percentage of Orang Asli population by main ethnic group, Malaysia, 2010 and 2020




Chart 3: Percentage of Orang Asli population by age group, Malaysia, 2010 and 2020





Chart 4: Life Expectancy of Orang Asli at birth, Malaysia, 2010 and 2020



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN
MALAYSIA DEPARTMENT OF STATISTICS
MALAYSIA
14th OCTOBER 2025**